

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI
Lokasi : HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 26-02-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di Jabatan Perdana Menteri yang telah membuat segala persediaan bagi mengadakan majlis ini. Sungguhpun majlis ini nampaknya simple sahaja, tidak ada bunga ditabur, tidak ada rebana dicanang, ia adalah cukup istimewa dan mempunyai makna yang besar kepada perkhidmatan awam. Sesungguhnya kita berkumpul hari ini bagi melahirkan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan kita dalam Perkhidmatan Awam termasuk Tentera dan Polis yang baru bersara dan yang akan bersara tidak lama lagi serta meraikan rakan-rakan yang baru dinaikkan pangkat dan diberi kepercayaan untuk memegang jawatan-jawatan yang lebih tinggi. Kehadiran dif-dif jemputan dan tuan-tuan serta puan-puan pada majlis ini bukan sahaja melambangkan solidaritas dan semangat kesetiakawanan yang ujud dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, tetapi juga mencerminkan sikap mulia mengenang budi yang ada di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

2. Persaraan adalah satu detik penting dalam kehidupan seseorang pegawai. Ini adalah detik di mana beliau mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan seperkhidmatan dengannya, melepaskan tugas yang biasa dijalankan dan memulakan hidup baru di luar persekitaran biasa. Ada yang akan menceburi kerjaya baru dan ada yang akan take it easy tanpa memegang apa-apa jawatan tetap.

3. Hakikatnya apa juga mereka pilih selepas bersara, mereka akan membawa bersama-sama mereka, tiap-tiap seorang lebih kurang 30 tahun pengalaman sebagai pentadbir, pengurus, penjaga keamanan atau satria - pengalaman yang tidak dapat dibeli dengan wang ringgit, pengalaman yang hanya diperolehi sedikit demi sedikit selepas tahun demi tahun bertugas dengan Kerajaan. Ketaat-setiaan mereka kepada perkhidmatan Kerajaan, kadang-kadang dalam keadaan yang serba berkurangan merupakan satu pengorbanan yang tidak boleh dilupakan. They deserve our special praise and recognition, for it is through their dedicated service and sacrifice that our nation has been able to progress to where it is today.

4. Tonight we are honouring 21 senior officers from different services of the government who have just retired or about to retire. No word can describe how much the government values their contribution towards the nation's progress, peace and stability. Marilah kita berdoa semoga mereka sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan beroleh sepenuh-penuh kejayaan dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Persaraan saudara- saudara sekalian merupakan kehilangan yang amat besar kepada perkhidmatan Kerajaan.

5. Sebenarnya dalam keadaan sekarang di mana negara kita sedang pesat membangun dan memerlukan tenaga kerja yang mahir dan berpengalaman, a loss to the government is a gain to the nation. We know that many of you who retire will quickly be absorbed by the private sector, be paid an even higher salary that what you used to get from the government. The experience that you've gained from government service is put to good use in the private sector, thus continuing to make a valuable contribution to the nation. Lihatlah sekeliling kita hari ini, betapa ramainya bekas pegawai-pegawai Kerajaan yang memegang jawatan penting dalam syarikat-syarikat swasta ataupun dalam syarikat-syarikat sendiri yang ditubuhkan selepas bersara. Dalam keadaan yang lebih selesa dan mewah ini, janganlah lupa kepada kami yang masih bertugas dengan Kerajaan.

6. Kenaikan pangkat dan memegang jawatan yang lebih tinggi adalah juga detik-detik penting dalam kehidupan seseorang manusia. Detik ini tiba selepas bertahun-tahun memberi khidmat yang setia dan tekun kepada Kerajaan, selepas disaring dan dinilai dari segi kebolehan dan kesesuaian untuk memegang sesuatu jawatan tinggi. Malam ini saya amat berbangga kerana dapat merai 11 orang pegawai Perkhidmatan Awam yang telah diberi kepercayaan memikul tanggungjawab yang amat berat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan ataupun Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka dengan harapan bahawa perlantikan mereka ke jawatan lebih tinggi akan mendorong mereka untuk bekerja dengan lebih

keras, lebih dedicated demi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Saya tekankan kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat, kerana kemajuan tanpa kesejahteraan rakyat adalah ibarat lagu dan irama . Mereka tidak boleh dipisahkan. Jika dipisah pincanglah negara. Oleh itu amatlah penting dalam tiap-tiap perancangan, perhatian serious perlulah diberi kepada implikasi sosial supaya kepincangan tidak berlaku yang boleh menggugat kestabilan negara.

7. Di kalangan yang masih berkhidmat, meningkatkan pencapaian hasil kerja berdasarkan asas-asas yang sedia ada amatlah diutamakan. Usaha ini bukan sahaja dapat menentukan kesinambungan kepada kelancaran program- program organisasi yang ujud, malah dapat terus meningkatkan kecemerlangan ke tahap yang lebih tinggi. Kita hendaklah sentiasa peka kepada kelemahan-kelemahan yang masih ujud dan menganggapnya sebagai peluang bagi penambahbaikan yang berterusan. Sikap selesa dengan prestasi semasa akan mematahkan semangat untuk terus maju. Kita perlu bergerak pantas selari dengan perubahan yang pesat berlaku. Cabaran utama di hadapan kita sekarang ialah untuk memenuhi kepercayaan yang telah diberikan untuk meletakkan Perkhidmatan Awam mencapai taraf dunia - a world class civil service. Kita telahpun mula mengorak langkah tegas ke arah ini. Kita sudahpun berusaha sejak beberapa tahun yang lepas menyusun semula struktur, memperkemaskan mekanisme pentadbiran, memperbaiki sistem dan prosedur, menggalakkan penggunaan teknologi serta menerapkan budaya kerja kualiti di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam. Usaha-usaha awal telahpun dibuat oleh rakan-rakan kita yang baru bersara. Sumbangan dan perjuangan mereka dalam menyediakan garis panduan dan asas pelaksanaannya adalah suatu bentuk peninggalan dan amanah yang amat berharga bagi generasi pegawai masa kini.

8. Kejayaan kita untuk membawa Perkhidmatan Awam ke taraf dunia juga amat bergantung kepada keupayaan menguasai dan menggunakan teknologi maklumat secara meluas dan berkesan. Walaupun banyak kejayaan dalam penggunaan teknologi maklumat telah dicapai, masih banyak yang perlu dan boleh dilakukan. Sebagaimana yang kita maklum, usaha gigih sedang rancak dilaksanakan untuk mewujudkan sebuah Kerajaan elektronik atau electronic government sebagai salah satu aplikasi dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua yang masih dalam perkhidmatan Kerajaan menjayakan projek electronic government ini serta projek-projek utama lain di bawah Multimedia Super Corridor. Kejayaan kita dalam bidang ini adalah kritikal bagi menjamin competitive edge negara kita.

9. Kejayaan kita membangun sebuah negara yang makmur dan stabil tidak akan lengkap tanpa perhatian yang sama serius diberi kepada perhubungan antarabangsa. Arus ke arah borderless world tidak mungkin dapat dibendung. Maka diplomasi negara juga perlu diubahsuai dan diperkukuhkan supaya kepentingan kita dapat dipertahankan. Pegawai-pegawai kita yang terlibat secara langsung dalam hubungan antarabangsa seperti Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, perlulah meningkatkan kecekapan serta pengetahuan mereka bagi menangani isu- isu antarabangsa di mana Malaysia mempunyai kepentingan.

9. Cabaran yang dihadapi oleh Perkhidmatan Awam adalah hebat sekali. Kita telah berjaya menghadapi cabaran yang sama hebat di tahun-tahun lampau. Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berbuat demikian sekarang.

10. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan selamat bersara kepada rakan-rakan kita yang akan meninggalkan Perkhidmatan Awam dan mendoakan kejayaan di atas apa sahaja bidang baru yang akan diceburi. Kepada pegawai yang baru dinaikkan pangkat dan diberi amanah untuk menyandang jawatan yang lebih tinggi, saya ucapkan tahniah. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat meneruskan perkhidmatan cemerlang dan bersama-sama berusaha dengan lebih gigih untuk membawa Perkhidmatan Awam kita ke tahap yang lebih tinggi, dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.